



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA**

**KHAS UNTUK KONTRAKTOR BUMIPUTERA
(TENDER NO. KPKT/JPSPN/BPT/T/3/2010)**

1. Tender ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF / JENIS SYARIKAT *	KELAYAKAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN TENDER DIJUAL	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER DITUTUP
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Cadangan Projek Naiktaraf Merekabentuk, Membina, Mentauliah dan Mengoperasi Loji Rawatan Leachate di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin, Kuala Lumpur Taklimat dan Lawatan Tapak Kehadiran: Diwajibkan Tarikh: 3/5/2010 (Isnin) Masa: 10.00 pagi Tempat: Stesen Pemindahan Taman Beringin, Kuala Lumpur	Khas untuk kontraktor Bumiputera T1 Tempoh Sah Laku Tawaran 180 hari	PKK Kelas B Kepala I Sub-Kepala 1 Kepala I Sub-Kepala 5 Kepala II Sub-Kepala 2(a) Kepala III Sub-Kepala 5 Kepala IV Sub-Kepala 2 Kepala VII Sub-Kepala 2 CIDB Gred G6	Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Tingkat 4, Blok B (Utara), 50644 Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur (Harga :RM300) Mulai : 5/5/2010 (Rabu) Waktu: Isnin hingga Khamis 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang Jumaat 8.30 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 2.45 petang hingga 4.30 petang	Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Tingkat 4, Blok B (Utara), 50644 Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur Tarikh: 15/7/2010 (Isnin) Masa : 12.00 Tengah Hari

* Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

2. Dokumen Tender ini boleh didapati di **Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Tingkat 4, Blok B (Utara), 50644 Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat (**8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang**) mulai **5/5/2010 (Khamis)** selepas lawatan tapak. Manakala Dokumen Meja Tender boleh disemak di alamat yang sama pada waktu pejabat.
3. **Taklimat dan Lawatan Tapak** akan diadakan pada **3/5/2010 (Isnin), jam 10.00** pagi di Tapak Stesen Pemindahan Taman Beringin, Kuala Lumpur. **Kehadiran adalah diwajibkan** dan hanya **dua (2) orang wakil** bagi setiap kontraktor sahaja dibenarkan hadir mendengar taklimat.
4. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **Sijil Pendaftaran** dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera** yang asal berserta satu (1) **salinan fotostat** semasa menghadiri **Taklimat Tapak dan Pembelian Dokumen Tender**. Dokumen Tender tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak pada **3/5/2010 (Isnin)**. **Dokumen Tender tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak yang telah ditetapkan.**
5. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank atau wang pos di atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**.
6. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Tingkat 4, Blok B (Utara), 50644 Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 15/7/2010 (Isnin)**. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan Dokumen Tender yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
7. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my, www.tender.gov.my dan www.malaysia.gov.my.